



KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
(Director General of Lands and Mines)
Aras 3 , Podium 1, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8871 2603
Faks : +603-8889 3855
Portal Rasmi : www.jkptg.gov.my

Rujukan kami: JKPTG-970/100-1/5/2 (4)

Tarikh : 13 Disember 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

SURAT EDARAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BIL. 4/2021: STATUS DAN KLASIFIKASI TANAH PINGGIR PANTAI DAN DASAR LAUT DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828] (KTN)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Surat Edaran Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 4/2021: Status Dan Klasifikasi Tanah Pinggir Pantai dan Dasar Laut di Bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828] (selepas ini dirujuk sebagai "Surat Edaran") ini bertujuan memaklumkan mengenai tempoh pemberimilikan tanah pinggir pantai dan dasar laut, cadangan keperluan pengubahsuaian kepada Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), e-Tanah dan Sistem Kadaster (SPDK/eKadaster) di Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) supaya proses pendaftaran hak milik tanah pinggir pantai dan dasar laut yang diberi milik adalah selaras dengan kehendak perundangan yang berkuatkuasa. Di samping itu, isu keselamatan strategik iaitu kesan daripada pemberimilikan tanah pinggir pantai dan dasar laut untuk selama-lamanya kepada warganegara asing turut perlu diberikan perhatian serius oleh pihak-pihak berwajib.

3. Tanah dari klasifikasi pinggir pantai atau dasar laut yang ditambah tidak akan mengubah klasifikasi asalnya yang semula jadi. Tanah dari klasifikasi di atas dari tepi pantai iaitu mukim, pekan atau desa juga tidak akan berkembang atau bertambah

keluasannya jika tanah dari klasifikasi pinggir pantai atau dasar laut ditambak. Ini kerana sudah sedia wujud takat, had atau sempadan semula jadi bagi penentuan sempadan ke atas tanah di atas tepi pantai, tanah pinggir pantai dan dasar laut. Sebagai contoh, had yang ditetapkan bagi tanah dasar laut adalah sehingga tiga (3) batu nautika dari tikas air surut perbani biasa yang membentuk tanah atau wilayah bagi sesebuah negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(3) Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750].

5. Dalam hal ini, KTN menekankan tentang *natural boundaries* (takat/tikas air pasang dan surut perbani biasa) yang memisahkan tanah di atas tepi pantai dengan tanah pinggir pantai dan dasar laut. *Natural boundaries* ini tidak boleh diubah oleh manusia walaupun tanah-tanah itu ditambak. Penekanan ke atas *natural boundaries* ini juga telah mewujudkan tanah jenis mukim, pekan dan bandar hanya bagi tanah di atas tepi pantai sejak sekian lama (asal). Sempadan mukim, pekan atau bandar yang asal di atas tanah tepi pantai tidak boleh dan tidak sepatutnya melampaui sehingga tanah pinggir pantai dan dasar laut.

6. Perkara-perkara seperti berikut telah dimaklumkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia (PTM) Bil. 2/2021 pada 28 Oktober 2021 yang diadakan di Hotel Bangi Resort, Selangor:

- i. Tempoh pembermilikan tanah pinggir pantai dan dasar laut hendaklah dengan tempoh pegangan tidak melebihi 99 tahun sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah proviso kepada seksyen 76 KTN;
- ii. Tindakan atau amalan memberi milik tanah di kawasan pinggir pantai dan dasar laut untuk selama-lamanya hendaklah diberhentikan serta merta;
- iii. Tindakan atau amalan mengisytiharkan jenis tanah desa, pekan atau bandar di atas tanah pinggir pantai dan dasar laut hendaklah diberhentikan serta merta;
- iv. Tanah Kerajaan di kawasan pinggir pantai dan dasar laut (sama ada telah ditambak atau tidak) yang telah diisytiharkan di bawah seksyen 11 (ca) KTN sebagai mukim, pekan atau bandar hendaklah dibatalkan perisytiharannya;

- v. Tanah pinggir pantai dan dasar laut hanya perlu diisytiharkan sebagai daerah atau daerah kecil sahaja mengikut seksyen 11 (a) atau (b) KTN;
- vi. Tanah di kawasan pinggir pantai dan dasar laut (sama ada telah ditambah atau tidak) yang telah diluluskan pemberimilikan untuk selama-lamanya tetapi belum diberi milik hendaklah diangkat semula kepada PBN supaya terma bagi tempoh pemegangan tanah dipinda sewajarnya;
- vii. Cadangan keperluan pengubahsuaian Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), e-Tanah dan Sistem Kadaster (SPDK/eKadaster) di Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dengan segera supaya proses pendaftaran tanah pinggir pantai dan dasar laut yang diberi milik adalah selaras dengan perundangan; dan
- viii. Isu keselamatan strategik iaitu kesan daripada pemberimilikan tanah pinggir pantai dan dasar laut untuk selama-lamanya kepada warganegara asing diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa.

6. Sehubungan itu, perkara ini dipanjangkan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan jua dan dimohon untuk memanjangkannya kepada semua Pentadbir Tanah Daerah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MERAKYATKAN PERUNDANGAN TANAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAHMAN BIN JOHOR)

b.p. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

s.k.:

1. YBrs. Tuan TKPTG (SKPP)
2. Semua Pengarah Bahagian JKPTG
3. PUU, JKPTG

SENARAI EDARAN :

1. Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 21-22, Bangunan KOMTAR
10000 Jalan Penang
PULAU PINANG
2. Pengarah Tanah dan Galian Johor
Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Johor
Parcel 62H, West Wing
79000 Kota Iskandar, Nusajaya
JOHOR DARUL TAKZIM
3. Pengarah Tanah dan Galian Melaka
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Aras 2, Bangunan Wisma Negeri
Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA
4. Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 4
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
5. Pengarah Tanah dan Galian Pahang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang
Bangunan PTG
Bandar Indera Mahkota
25990 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
6. Pengarah Tanah dan Galian Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Bangunan Sri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN
7. Pengarah Tanah dan Galian Kelantan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Blok 3, Tingkat Bawah
Kota Darulnaim, Jalan Kuala Krai
15503 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM

8. Pengarah Tanah dan Galian Terengganu
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 7 & 11
Wisma Darul Iman
20576 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

9. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri
No. Beg. Berkunci 39
Jalan Dato' Abdul Kadir
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

10. Pengarah Tanah dan Galian Kedah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN

11. Pengarah Tanah dan Galian Perlis
Jabatan Pengarah Tanah dan Galian
Jalan Penjara
01000 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN